

## Analisis Penulisan Objektif Menggunakan Konsep “Smart” dalam Rancangan Pelajaran Harian Bakal Guru BPBM bagi Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif

Mastura Abdul Razak, Rozita Radhiah Said\* & Fathiyah Mohd Fakhrudin

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

### ABSTRAK

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) digubal bagi menggantikan kurikulum Kesusasteraan Melayu (KM) mulai tahun 2017. Mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran elektif bagi murid Tingkatan 4 dan 5. KMK yang digubal ini lebih bersifat komunikatif kerana murid perlu banyak berbincang semasa menilai teks serta memberikan peluang kepada murid untuk berkarya dan menonjolkan kreativiti dalam bidang kesusasteraan. Justeru pengetahuan dan kemahiran mengajar guru sangat penting demi memastikan objektif murid menguasai Standard Pembelajaran KMK tercapai. Kajian kualitatif analisis dokumen ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis ketepatan penulisan objektif pelajaran dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dalam kalangan guru Bachelar Pendidikan Bahasa Melayu (BPBM) semasa membentangkan pengajaran mikro bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) berdasarkan Standard Pembelajaran KMK Tingkatan empat dan lima. Penganalisan berkaitan ketepatan, kekuatan dan kelemahan penulisan objektif pengajaran dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada senarai semak Konsep SMART sebagai penanda aras. Seramai 39 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun akhir dipilih secara persampelan purposif. Kutipan data daripada dua tugas individu pengajaran mikro pelajar telah dikumpul dan sejumlah 89 objektif pelajaran dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan, sebanyak 67 item (78%) berada pada skala 5 iaitu sangat tepat, 4 item (5%) berada pada skala 4 tepat, 5 item (6%) pada skala 3 masih tepat dan 10 item (11%) berada pada skala 2 iaitu kurang tepat. Tidak ada sebarang item yang berada pada skala 1 iaitu tidak tepat. Adalah dicadangkan supaya kekuatan kursus berkaitan kaedah pengajaran kepada bakal-bakal guru dikekalkan malah sentiasa dipertingkatkan agar bakal guru dapat menjayakan misi dan visi pendidikan negara berbandukan sukatan dengan objektif yang betul. Adalah dicadangkan supaya kursus kaedah mengajar sedia ada dikekalkan kecemerlangannya malah perlu sentiasa ditambah baik demi memenuhi misi dan visi pendidikan umumnya dan menepati tuntutan objektif pelajaran khususnya.

**Kata Kunci:** Penulisan Objektif, Rancangan Pengajaran Harian, Bakal Guru Bahasa Melayu, Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu

### ABSTRACT

The Secondary School Standard Curriculum (KSSM) for Communicative Malay Literature (KMK) was formulated to replace the Malay Literature (KM) curriculum from 2017. This subject is an elective subject for Form 4 and 5 students. The KMK is more communicative because students need a lot of discussion while evaluating the text as well as provide opportunities for students to create and highlight creativity in the field of literature. Therefore, the knowledge and teaching skills of teachers are very important to ensure that the objectives of students mastering the KMK Learning Standards are achieved. Document analysis was done to analyse the accuracy of objective writing in Lesson Planning for the subject of Communicative Malay Literature (Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK)) among teachers undertaking Bachelor in Malay Language (BPBM) while presenting micro learning based on form four and five KMK standard of learning. In this study, analysis of the accuracy, strengths and weakness of writing the learning objective was done by referring to the SMART concept. 39 final year students was purposively selected as participant of this study. Data was collected from two participants' individual micro learning task and a total of 89 learning objective was analysed. Findings from this study shows that 67 items (78%) were at scale 5 (very accurate), 4 items (5%) at scale 4 (accurate), 5 items (6%) at scale 3 (still accurate) and 10 items (11%) at scale 2 (less accurate). No items were found to be at scale 1 (inaccurate). It is suggested that teaching method courses for teachers are maintained and enhanced so that future teachers can meet countries' educational vision and mission successfully based on the appropriate objective.

**Keywords:** Objective Writing, Lesson Planning, Malay Language Teacher, Malay Literature Method

\*Corresponding author: [radhiahrozita@upm.edu.my](mailto:radhiahrozita@upm.edu.my)  
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

## **PENGENALAN**

Kurikulum Kebangsaan ialah satu program pendidikan yang juga telah merangka antaranya Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK). Antara lain kandungan KSSM KMK memberi tiga penekanan baharu yang perlu dikuasai oleh murid iaitu mempelajari elemen sastera bagi membantu penghasilan karya penulisan yang baik, mempelajari tema dan persoalan yang dapat dijadikan panduan dalam pembentukan sahsiah diri serta akhirnya mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kesusasteraan Melayu Komunikatif, 2018). Oleh itu, untuk menentukan keberkesanan dan kejayaan sesuatu pengajaran, pelaksanaannya hendaklah betul dan sesuai berpandukan kepada falsafah, misi, visi serta objektif mata pelajaran yang diajar. Guru perlu menguasai ilmu pedagogi serta ruang lingkup pelaksanaannya bagi menentukan hasil atau objektif kemahiran yang diajar tercapai pada akhir setiap pelajaran.

### **Objektif Pelajaran**

Penulisan objektif dalam rancangan pelajaran guru bertujuan memastikan pelajaran berjalan secara terancang, berfokus kemahiran dan mudah disesuaikan mengikut tahap kecerdasan murid, jenis aktiviti, teknik pengajaran, penilaian serta penyediaan latihan pengayaan atau pemulihan (Saemah Rahman & Zamri Mahamod, 2017). Pada akhir pelajaran, guru boleh mengukur pencapaian objektif pada hari tersebut secara empirical. Penggunaan objektif dalam Rancangan Pelajaran Harian (RPH) adalah untuk membolehkan guru menyusun aktiviti dan pelaksanaan pengajaran dalam bilik darjah. Penulisan objektif akan menentukan apa-apa yang akan diajar dan apa-apa yang akan murid belajar di dalam kelas. Selain itu, penulisan objektif perlu mengikut ketetapan sukatan pelajaran, jumlah murid di dalam bilik darjah dan juga peruntukan masa dalam jadual waktu. Penulisan objektif yang baik mestilah boleh diukur pencapaiannya supaya tiada murid yang ketinggalan. Cara ini sangat membantu guru mengesan pencapaian murid seterusnya membantu murid mengulang pelajaran supaya mereka menguasai kemahiran dan ilmu dalam pelbagai aras. Dalam konteks kajian ini, rujukan kepada keperluan penulisan objektif pelajaran adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memansuhkan Surat Pekeliling Kementerian Pendidikan 256: "Buku Rekod Mengajar Guru", bertarikh 1 Julai 1963 iaitu dengan Surat Pekeliling Ikhtisas ini, berkuatkuasakan pada tarikh ia dikeluarkan, Rekod Pengajaran dan Pembelajaran hendaklah mengandungi hanya dua unsur sahaja, iaitu (i) Rancangan Pelajaran Tahunan, dan (ii) Rancangan Pelajaran Harian. Dan hendaklah memastikan kedua-dua unsur tersebut dibuat mengikut prinsip-prinsip perancangan yang mutakhir.

### **Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT)**

Rancangan Pelajaran Tahunan mengandungi secara ringkas isi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sukatan pelajaran kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Rancangan Pelajaran Harian (RPH)**

Rancangan Pelajaran Harian merupakan terjemahan Rancangan Pelajaran Tahunan yang mengandungi sekurang-kurangnya maklumat seperti objektif, cara bagaimanakah hendak mencapai objektif dan kenyataan sejauh manakah objektif itu tercapai. RPH bolehlah disediakan dalam apa-apa jua bentuk yang munasabah dan sesuai dengan teknologi semasa. RPH haruslah diurus dengan sempurna dan dapat dikernukakan dengan serta merta apabila dikehendaki oleh pihak yang diberi kuasa. Bahan-bahan lain yang berkaitan dengan penyediaan RPT dan RPH perlu diurus dengan baik supaya dapat dikemukakan dengan serta merta apabila dikehendaki oleh pihak yang diberi kuasa. KPM juga telah menyediakan sukatan sebagai garis panduan penulisan objektif dalam DSKP/HSP bagi setiap mata pelajaran. Malah KPM turut memberikan guru panduan dan aras kemahiran yang perlu murid kuasai.

Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu (2015) menegaskan bahawa kejayaan ataupun kegagalan proses pengajaran pembelajaran di dalam bilik darjah bergantung sepenuhnya kepada tahap kemahiran serta kebolehan guru mengelolaknya. Setiap guru telah pun memiliki pengetahuan pedagogi, pengetahuan isi kandungan serta kemahiran ikhtisas yang membolehkan guru melaksanakan pengajaran yang berkesan bagi mencapai objektif pelajaran yang diinginkan. Penyediaan RPH untuk setiap sesi pengajaran dan pembelajaran mempunyai banyak kepentingan. Antaranya, penulisan RPH memberikan guru idea untuk memilih kaedah, teknik dan pendekatan terbaik bagi melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran pada hari tersebut. Pemilihan aktiviti yang boleh memaksimumkan pencapaian objektif pelajaran juga boleh dirancang lebih awal berpandukan objektif pelajaran. Di samping itu guru juga dapat menyampaikan isi pelajaran yang sama dengan cara yang berbeza mengikut tahap kecerdasan murid. Cara ini dapat membantu murid memahami keseluruhan pembelajaran pada hari itu. Hal ini disokong oleh pendapat Ahmad Mohd Salleh (2008) yang mendefinisikan RPH sebagai satu dokumen perancangan pengajaran yang mengandungi maklumat lengkap mengenai pelaksanaan sesuatu pengajaran yang akan dilaksanakan oleh guru. Penyediaan RPH juga membantu

guru untuk menilai setiap murid pada sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru juga dapat membuat penambahbaikan serta menilai pelaksanaan pengajaran mereka dan dijadikan sebagai garis panduan. Oleh yang demikian, penulisan RPH memainkan peranan penting dalam kalangan bakal guru. Penyediaan RPH sangat berkait rapat dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan menentukan sama ada murid memahami atau tidak dengan keseluruhan pengajaran dan aktiviti yang telah dilaksanakan di dalam bilik darjah.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pendidikan abad 21 memerlukan bakal guru bukan sahaja berketrampilan, serba boleh dan proaktif malah aspek yang terpenting ialah menguasai pedagogi tanpa mengabaikan isi pelajaran. Bakal guru perlu perlu memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lancar dan bersesuaian dengan tahap serta bersesuaian dengan objektif pelajaran yang ditetapkan. Kajian oleh Saemah Rahman & Zamri Mahamod (2016), mendapati masih ada bakal guru yang masih dipengaruhi dan terikat dengan kaedah pengajaran guru semasa mereka bersekolah. Arniza Mokhtar et.al. (2018) pula menyarankan kepada bakal guru akan peri pentingnya menguasai aspek teori agar dapat diaplikasikan dalam pengajaran secara berkesan kerana beliau mendapati penggunaan aras dalam penulisan objektif bakal guru tidak dapat membezakan tahap murid. Walaupun amalan pengajaran secara tradisional masih memberi kesan dan sangat sesuai diajar namun tuntutan pendidikan di negara kita pada hari ini kian mencabar serta memerlukan bakal guru lebih kritis, kreatif dan inovatif dalam menentukan aras objektif serta menyusun langkah pengajaran yang menepati aras kepelbagaian murid dan perbezaan pembelajaran (Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi, 2015). Menurut Zamri et.al (2015) lagi objektif pelajaran mestilah direalisasikan daripada misi dan visi kurikulum mata pelajaran supaya pendidikan yang menjadi acuan membina generasi muda negara berjaya dibina. Walaupun terdapat pelbagai objektif yang telah diberikan dalam DSKP dan KSSM untuk dijalankan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah namun para guru masih tidak mampu mengaplikasikan objektif mengikut kesesuaian pengajaran dengan berkesan sehingga menimbulkan persoalan atau murid tidak faham sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Saemah Rahman et.al. (2017) menambah bahawa pemilihan dan penulisan objektif yang tidak tepat dan tidak sesuai dengan sesuatu kemahiran mata pelajaran yang hendak diajar akan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kurang menarik.

Terdapat beberapa panduan yang boleh diguna untuk kata kerja dalam penulisan objektif. Penggunaan kata kerja yang betul dapat membezakan aras kognitif yang guru mahu murid capai pada akhir pelajaran (Nur Ain Elzira Abdullah & Zamri Mahamod, 2019). Penggunaan aras kognitif berdasarkan Taksonomi Bloom sangat membantu guru menentukan pencapaian murid atau mengesan kejayaan murid menguasai sesuatu kemahiran. Penulisan objektif yang betul dan jelas secara teratur mengikut pemerincian bukan sahaja membolehkan pengajaran berlaku secara adil malah membolehkan pengajaran dilaksanakan secara teratur, berkesan dan bermakna. Penyediaan latihan, tugas atau projek pentaksiran juga dapat dilakukan secara adil dan konsisten. Tahap penguasaan murid dan juga prestasi murid dapat dilihat dengan merangka pelaksanaan pengajaran yang baik dengan membina penulisan objektif pelajaran yang teratur untuk pembelajaran.

## **Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis penulisan objektif dalam RPH pelajar BPBM semester enam (6) berdasarkan Standard Pembelajaran KMK Tingkatan 4 & 5.

Secara khususnya objektif kajian ini untuk:

1. Mengenal pasti ketepatan penulisan objektif dalam RPH pengajaran mikro mata pelajaran KMK pelajar BPBM tahun akhir berdasarkan Standard Pembelajaran KMK Tingkatan 4 & 5 berpandukan konsep SMART.
2. Menganalisis kekuatan penulisan objektif dalam RPH mata pelajaran KMK dalam kalangan pelajar tahun akhir program BPBM.
3. Menganalisis kelemahan penulisan objektif dalam RPH mata pelajaran KMK dalam kalangan pelajar tahun akhir program BPBM.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pencapaian murid dalam pembelajaran dapat ditingkatkan sekiranya guru menguasai kemahiran mengajar. Pengajaran guru yang berkualiti menghasilkan pembelajaran yang bermakna, difahami dan diingati dalam jangka masa yang lama. Abdul Rasid, Shamsudin & Humaizah (2012) memberi pendapat yang sama bahawa pembelajaran memerlukan guru yang berpengetahuan supaya murid dapat menerima pelajaran yang berkesan dan bermakna. Hal ini berdasarkan Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 (2012), kualiti guru merupakan salah satu faktor yang diberi tumpuan bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu menyediakan pengajaran yang diperlukan oleh murid ke arah pencapaian pembelajaran yang optimum. Pembelajaran yang berkesan terhasil daripada pengajaran yang afektif. Guru

kreatif akan sentiasa merancang pengajaran yang menarik, mudah difahami dengan cara menyediakan atau memilih bahan pengajaran yang sesuai serta tepat dengan isi kandungan pelajaran yang hendak disampaikan (Magdeline anak Nor & Zamri Mahamaod, 2016). Guru merupakan individu yang paling penting dalam proses murid mencari ilmu. Tanpa guru, proses pembelajaran yang berlaku mungkin tidak akan berkesan. Guru yang mampu menjadikan proses pengajaran itu berkesan merupakan seorang guru yang cemerlang.

### **Rancangan Pengajaran Harian (RPH) untuk Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK)**

Pada abad 21 ini, tuntutan kepada penulisan objektif pengajaran yang betul adalah untuk memastikan PdP KMK berjaya dilaksanakan. Kandungan KSSM KMK terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Apresiasi Sastera, Pembangunan Insan dan Pengkaryaan. Ketiga-tiga bahagian ini merupakan satu pendekatan baharu yang diperkenalkan dalam KMK yang perlu dikuasai oleh murid menengah atas (Tingkatan 4 dan 5). Melalui kajian teks, murid belajar elemen sastera bagi membantu dalam penghasilan karya yang memenuhi ciri-ciri penulisan yang baik. Selain itu, tema dan persoalan yang digarap oleh pengarang atau penyair dalam sesuatu karya dapat dijadikan panduan dalam membentuk sahsiah diri serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mata pelajaran KMK menitikberatkan aktiviti bersifat praktikal (*hands-on*), penerokaan minda (*minds-on*) dan penghayatan (*hearts-on*) serta lebih mencabar pemikiran kreatif murid. Guru digalakkan mengadakan sesi perkongsian pengalaman bersama-sama para karyawan sastera serta orang yang pakar dalam bidang yang berkaitan agar dapat membantu murid mendekati, memahami, menghayati dan menghargai kesusasteraan dengan lebih baik. Murid juga digalakkan meneroka pengalaman di luar sekolah dalam usaha mencari idea dan inspirasi dalam berkarya (DSKP, KSSM, 2018). Menurut Ghazali Din (2016), bagi subjek kesusasteraan perlulah dipersembahkan dengan gaya baharu, memberi penekanan kepada kaedah pendekatan yang tidak membosankan pelajar. Dalam konteks sekolah, subjek kesusasteraan wajar dipelajari oleh pelajar pelbagai kaum, manakala teks pilihan perlu sesuai dengan usia dan tahap pemikiran pelajar itu sendiri. Dengan memperkenalkan kaedah atau pendekatan yang baharu dalam pengajaran maka hal ini sudah tentu boleh dijadikan rujukan kepada para pengkaji dalam usaha untuk mengesan sejauhmanakah pengajaran cerpen dan novel memberi impak dalam kehidupan social murid kelak. Setakat hari ini masih tiada model pengajaran khusus bagi pengajaran cerpen dan novel untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan juga Bahasa Melayu (KOMSAS). Pengajaran Kesusasteraan Melayu hanya menggunakan tiga pendekatan atau kaedah untuk pengajaran iaitu berfokus, berstruktur, mengalami dan menghayati. Ketiga-tiga pendekatan ini digunakan untuk semua genre mengikut kepada kesesuaian elemen yang diajarkan kepada murid. Menurut Naffi Mat (2012), beberapa pendekatan mengajar kesusasteraan yang perlu diberi penekanan iaitu: analisis-struktural, berfokus, mengalami-menghayati, global dan beberapa pendekatan kritik sastera seperti pendekatan moral, pendekatan sosiologikal, pendekatan psikologi dan pendekatan linguistik dan lain-lain lagi. Berdasarkan pemerhatian dapat dilihat pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Sebagai contoh untuk pengajaran elemen seperti plot memerlukan penggunaan pendekatan berstruktur. Manakala untuk pengajaran elemen watak perwatakan pula perlu menggunakan pendekatan mengalami dan menghayati. Oleh itu pengajaran elemen plot dan watak perwatakan tidak akan dapat diajarkan dalam satu sesi pengajaran yang sama. Kajian yang dilakukan oleh Naffi Mat. (2012), menunjukkan bahawa Kesusasteraan Melayu harus diajar dengan mengaplikasikan Pendekatan Bersepadu yang mengutamakan beberapa ciri utama. Ciri yang pertama ialah penggabungan pengalaman antara mata pelajaran; kedua, penyerapan ilmu pengetahuan, nilai dan ketrampilan dan Bahasa dalam pengajaran; ketiga, penglibatan atau penyertaan pelajar secara aktif dalam pembelajaran; keempat, kesepaduan antara pengalaman dan kesan pembelajaran dalam bilik darjah dengan aktiviti luar bilik darjah, alam persekitaran dan pengalaman hidup seharian. Pendekatan ini lebih berkesan dalam pengajaran Kesusasteraan. Setiap satu pendekatan yang diaplikasikan ini mencerminkan satu pegangan atau falsafah tentang hakikat pengajaran dan teori kesusasteraan. Kesimpulannya pendekatan yang sinonim dengan pengajaran Kesusasteraan Melayu tidak dapat memenuhi keperluan sesuatu pengajaran secara menyeluruh. Melihatkan kepada penjelasan di atas, pendekatan ini terhad dan tidak dapat berkembang. Menurut Ong Sze Chong, Zamri Mahamad & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2019), untuk mencapai objektif-objektif pendidikan amnya atau objektif pelajaran khususnya, seharusnya pendekatan pengajaran boleh dipelbagai untuk memenuhi keperluan pengajaran masa kini. Dalam satu kajian yang umum mengenai kemahiran mengajar, didapati bahawa guru-guru yang berkesan akan dapat memberi penerangan isi pelajaran dengan jelas. Guru turut menyediakan pelajarannya dengan kemas bersesuaian dengan kemampuan pelajar, pemilihan alat bantu mengajar yang relevan, penulisan objektif pelajaran yang jelas, penggunaan contoh-contoh yang menarik, idea-idea dan pendekatan yang merangsang pemikiran murid malah guru turut melibatkan murid dengan penyelesaian masalah melalui soalan-soalan yang mencabar minda.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen. Pemilihan kaedah ini bertujuan untuk meneroka, membuat penemuan dan interpretasi dan bukannya untuk menguji hipotesis (Meriam, 2009). Protokol senarai semak analisis dokumen dalam konteks kajian ini dibina berdasarkan konsep SMART. Seramai 39 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun akhir program Bachelo pendidikan

Bahasa Melayu dipilih secara persampelan purposif. Kutipan data daripada RPH daripada dua tugasan individu berkaitan pengajaran mikro pelajar telah dikumpul dan sejumlah 89 objektif pelajaran dianalisis. Tempoh pengumpulan data ialah selama 16 minggu.

JADUAL 1

Jadual dan Keterangan Protokol Senarai Semak Data Penulisan Objektif dalam RPH Menggunakan Akronim dan Interpretasi SMART

Akronim	Perkataan	Keterangan / Interpretasi
S	<i>SPECIFIC</i>	iaitu kemahiran yang ingin dikuasai itu dituliskan dengan <b>spesifik/khusus</b> dan <b>jelas khusus mengikut konteks dan juga panduan bahan.</b>
M	<i>MEASURABLE</i>	iaitu <b>boleh diukur</b> . Contohnya, murid boleh menulis perenggan mengandungi sekurang-kurangnya 5 ayat.
A	<i>ATTAINABLE/ACHIEVABLE</i>	iaitu <b>murid mampu melaksanakan</b> tugas ini berdasarkan kemahiran asas mereka.
R	<i>REALISTIC</i>	iaitu <b>sesuai mengikut konteks</b> murid dan sesuai dengan <b>keperluan kemahiran pembelajaran.</b>
T	<i>TIMELY</i>	iaitu <b>boleh dibuat dalam masa yang ada</b> . Aktiviti atau latihan atau pengajaran dan pembelajaran boleh disudahkan dalam masa yang diberikan.

Contoh objektif pembelajaran yang tepat:

Di akhir PdPc, murid boleh menulis satu perenggan (S) mengandungi sekurang-kurangnya 5 ayat (M) dengan tanda baca yang betul (A) untuk menerangkan kejadian (R) yang berlaku dalam gambar yang diberikan (T).

(Rujukan: <http://mudahmengajar.blogspot.com/2018/06/menulis-objektif-pembelajaran.html>)

### Penganalisan Data Dokumen

Penganalisan data dokumen melibatkan tiga peringkat pemprosesan data iaitu reduksi, koding dan membuat verifikasi (Meriam, 2009). Dalam konteks kajian ini, kod-kod yang telah diverifikasi akan dianalisis mengikut tema dalam akronim SMART. Tema-tema yang terbina seterusnya dianalisis mengikut setiap kes. Pada peringkat reduksi pula, pengkaji akan memusatkan pemilihan data kepada penulisan objektif pelajaran sahaja supaya dapat mengurangkan data yang tidak memberi sumbangan kepada persoalan kajian. Maklumat yang telah melalui proses reduksi dipaparkan dalam bentuk tersusun dan lebih berfokus dengan membina kod-kod yang menggambarkan tema-tema tertentu. Kemudian penganalisan tema akan dibuat berdasarkan akronim SMART bagi menentukan tahap skala seperti yang berikut. Jika penulisan objektif memenuhi semua 5 tema SMART maka bacaan skala 5 menunjukkan 'Sangat Tepat' diikuti dengan skala 4 – Tepat, 3 – Masih Tepat, 2 – Kurang Tepat, 2 – Tidak Tepat. Kekerapan jumlah skala akan dipaparkan dalam bentuk peratusan sebagai dapatan kajian. Peringkat seterusnya ialah membuat verifikasi bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan dapatan. Schubungan dengan itu, untuk tujuan verifikasi kod-kod yang dibina, pengkaji akan mendapatkan pengesahan pakar bidang daripada dua orang pensyarah yang juga menjadi rakan penyemak seterusnya membuat pengesahan kod dan unit yang ditemui dalam data yang dikumpul.

### Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Dokumen amat penting sebagai bukti yang mengandungi maklumat yang sedia ada dan tidak boleh dimanipulasikan (Creswell, 2013). Dalam konteks kajian ini, 39 dokumen RPH yang mengandungi 89 objektif pelajaran dikutip sebagai data primer.

JADUAL 2

Strategi Menentukan Kesahan dan Kebolehpercayaan

Jenis ujian	Strategi	Peringkat kajian
<b>Kesahan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Teknik pengumpulan data: analisis dokumen</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Reka bentuk kajian</li> </ul>
<b>Konstruk</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan Pelajaran Harian <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjelasan setara</li> <li>• Rujukan yang mencukupi</li> <li>• Semakan Pakar Bidang</li> <li>• Analisis Kes setiap RPH</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan maklumat</li> <li>• Tema dan koding disemak dan disahkan oleh dua orang pensyarah Pakar Bidang Pendidikan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu UPM</li> </ul>

<b>Kesahan Dalaman</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Proses semakan semula maklumat dengan peserta kajian <ul style="list-style-type: none"> <li>Deskripsi padat dan mendalam</li> <li>Koding, Pengkategorian &amp; Interpretasi SMART digunakan</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengesahan/Persetujuan Peserta</li> <li>Pengumpulan maklumat</li> <li>Penganalisan data</li> </ul>
<b>Kebolehpercayaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjelaskan teori</li> <li>Mengutamakan isu etika</li> <li>Membangunkan data lengkap</li> <li>Menyediakan rangkaian audit <ul style="list-style-type: none"> <li>Audit Kepastian</li> <li>Jejak Audit</li> <li>Refleksi</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Reka bentuk kajian</li> <li>Pengumpulan maklumat</li> <li>Penulisan laporan</li> </ul>

(Adaptasi daripada Rozita Radhiah Said, 2012)

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 3 menunjukkan contoh penganalisan 16 daripada 89 objektif pengajaran KMK menggunakan Jadual Skala SMART. Dapatan keseluruhan cara penulisan objektif pengajaran berdasarkan RPH pengajaran KMK dalam Tugas 1 dan Tugas 2 kursus LHE4802 Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu oleh pelajar BPBM tahun akhir. Skala tahap disusun berdasarkan penulisan objektif menggunakan konsep SMART iaitu dimulai dengan penulisan objektif seperti yang berikut:

Sangat Tepat -5, Tepat - 4, Masih Tepat - 3, Kurang Tepat - 2 dan Tidak Tepat - 1

#### JADUAL 3

Contoh 16 daripada 89 Penganalisan Penulisan Objektif menggunakan Jadual Skala SMART

Bil.	Koding dan Pengkategorian OBJEKTIF PELAJARAN	TEMA (Interpretasi)					TAHAP SKALA (Analisis )
		S	M	A	R	T	
1.	Mengetahui definisi nilai dan pengajaran.	/	X	/	X	/	3
2.	Mengemukakan nilai yang menepati contoh situasi dalam lima video pendek yang dipaparkan	/	/	/	/	/	5
3.	Menganalisis nilai bekerja sama dan bertanggungjawab yang terdapat dalam cerpen Bukit Emas.	/	/	/	/	/	5
4.	Membina pengajaran berkaitan perjuangan mempertahankan hak yang terdapat dalam cerpen Bukit Emas	/	/	/	/	/	5
5.	Mengenal pasti aspek latar tempat, latar masa dan latar masyarakat yang terdapat dalam Novel Naratif Ogonshoto Bab 1 sahaja	/	/	/	/	/	5
6.	Mengetahui latar tempat yang terdapat dalam Novel Naratif Ogonshoto (Bab 1).	/	X	/	/	/	4
7.	Menjelaskan peristiwa berdasarkan plot perkembangan secara kronologi di setiap latar tempat yang terdapat di dalam Novel Naratif Ogonshoto	/	/	/	/	/	5
8.	Membaca skrip dengan intonasi dan nada yang betul berdasarkan 5 situasi terpilih dalam drama Gulai Sembilang untuk Abah	/	/	/	/	/	5
9.	Mengetahui tentang watak utama dan watak sampingan drama.	/	X	/	/	/	4
10.	Mengenal pasti perwatakan fizikal, mental dan emosi yang terdapat dalam drama fizikal, mental dan emosi sahaja.	/	/	/	/	/	5
11.	Mengenal pasti gaya bahasa metafora yang terdapat dalam novel Naratif Ogonshoto bab 4 sahaja	/	/	/	/	/	5
12.	Menyenaraikan sekurang-kurangnya 5 gaya bahasa yang terdapat dalam novel tersebut bab 1 hingga 3 sahaja	/	/	/	/	/	5
13.	Mengenal dan memahami elemen sastera.	/	X	X	X	X	1
14.	Mengenal dan memahami puisi moden (sajak).	/	X	X	X	X	1


15.	Menikmati dan memahami maksud sajak.	/	X	/	X	X	3
16.	Membincangkan dengan contoh 6 nilai kepemimpinan seorang Jeneral yang terkandung dalam Novel Naratif Ogonshoto	/	/	/	/	/	5

(Sumber : Kurikulum Standard Sekolah Menengah Kesusasteraan Melayu Komunikatif, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 dan 5, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum April 2018, Kesusasteraan Melayu Komunikatif 2018, Sukatan Pelajaran bagi Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Menengah, Rancangan Pelajaran Harian Pelajar BPBM Kursus LHE4802/Tahun Akhir)

### Dapatan Objektif 1

1. Mengenal pasti ketepatan penulisan objektif dalam RPH pengajaran mikro mata pelajaran KMK pelajar BPBM tahun akhir berdasarkan Standard Pembelajaran KMK Tingkatan 4 & 5 berpandukan konsep SMART.

Rajah 4 menunjukkan dapatan data penganalisan sejumlah 89 penulisan objektif. Pecahan bahagian dalam carta pai menunjukkan sebanyak 67 item (78%) penulisan objektif pengajaran berada pada skala 5 iaitu sangat tepat, 4 item (5%) berada pada skala 4 iaitu tepat, 5 item (6%) pada skala 3 iaitu masih tepat dan 10 item (11%) berada pada skala 2 iaitu kurang tepat. Tidak ada sebarang item yang berada pada skala 1 iaitu tidak tepat.




Rajah 4: Rumusan Keseluruhan Tahap Ketepatan Penulisan Objektif

### Dapatan Objektif 2

2. Menganalisis kekuatan penulisan objektif dalam RPH mata pelajaran KMK dalam kalangan pelajar tahun akhir program BPBM.

Rajah 5 di bawah menunjukkan bahawa sebanyak 67 item yang menepati penulisan objektif dalam RPH iaitu sebanyak (78%). Item objektif dibina adalah tepat kerana ianya menepati data dokumen penulisan objektif berdasarkan Akronim SMART. Item ini mengandungi kata kerja yang boleh mengukur pencapaian objektif, topik dan bahan yang spesifik. Item ini juga boleh dilaksanakan berdasarkan kemahiran asas murid, sesuai mengikut konteks dan tahap murid serta sesuai dengan keperluan kemahiran pembelajaran KMK berdasarkan KSSM KMK 2018. Item ini boleh dilaksanakan dalam peruntukan masa pembelajaran yang ada. Berikut ialah beberapa contoh penulisan objektif pengajaran KMK yang menepati konsep SMART.



Rajah 5 : Rumusan Ketepatan Penulisan Objektif dalam RPH

JADUAL 6

Contoh 10 daripada 67 Objektif yang ditulis Secara Tepat Menggunakan Konsep SMART

TEMA (Interpretasi)				
S (Spesifik/Khusus)	M (Boleh diukur)	A (Mampu dilaksanakan)	R (Sesuai mengikut konteks)	T (Boleh dibuat dalam masa yang diberi)
1. Menjelaskan dengan contoh daripada teks	5 pengajaran berkaitan kemanusiaan	yang terdapat dalam cerpen	Namun Itulah Hakikatnya	5 pengajaran berkaitan kemanusiaan.
2. Menterjemahkan perbincangan dalam bentuk persembahan sketsa	5 pengajaran yang diperolehi	dalam drama	Ayam, Kaduk dan Raja	5 pengajaran yang diperolehi.
3. Membeza dan menggariskan aspek sebutan dan gaya bahasa	persembahan lakonan rakan sebaya	daripada kumpulan lain	berdasarkan drama Anna	persembahan lakonan.
4. Mengenal pasti watak dan perwatakan	watak utama dan 4 watak sampingan	yang terdapat	dalam cerpen Air Mata Dalang.	watak utama dan 4 watak sampingan.
5. Membincangkan 3 peristiwa/plot konflik	antara watak - watak	yang terdapat	dalam cerpen Air Mata Dalang.	plot konflik antara watak –watak.
6. Mengubah suai 2 peristiwa penting kepada skrip drama berdasarkan cerpen	ke dalam bentuk lakonan	menggunakan bahasa, pergerakan, dan mimik muka	cerpen Air Mata dalang	berdasarkan watak dan perwatakan yang diberikan oleh guru.
7. Mengenal pasti dan menyusun secara kronologi	enam peristiwa-peristiwa/ plot	yang terdapat	dalam novel Jeriji Kasih.	peristiwa-peristiwa/ plot dalam novel Jeriji Kasih



8. Mendeklamasikan	sajak patriotik	dengan menggunakan nada dan intonasi yang betul.	sajak Aku Membaca Lagi	dengan menggunakan nada dan intonasi yang betul.
9. Menjelaskan makna konotatif dan denotatif	dengan betul maksud setiap rangkap dalam sajak.	menggunakan ayat murid sendiri/ prosa	sajak Ini Tanah Kita	dengan betul maksud setiap rangkap dalam sajak.
10. Mensimulasi	situasi terpilih yang diberikan oleh guru dengan kreatif dan betul	menggunakan teknik pentomin	berdasarkan drama Resjudikata	situasi terpilih yang diberikan oleh guru


### Impak Positif Penulisan SMART kepada Pengajaran Guru

Penulisan objektif pengajaran yang dibina dan ditulis dengan tepat mempunyai beberapa kekuatan. Antaranya ialah penyampaian isi pelajaran menjadi lebih teratur, mengikut pemeringkatan, pengajaran akan lebih berfokus dengan pemilihan pendekatan, kaedah, strategi dan teknik yang paling sesuai dan berkesan. Penulisan objektif dalam rancangan pelajaran guru bertujuan memastikan pelajaran berjalan secara terancang, berfokus kemahiran dan mudah disesuaikan mengikut tahap kecerdasan murid, jenis aktiviti, teknik pengajaran, penilaian serta penyediaan latihan pengayaan atau pemulihan. Impak yang positif hasil daripada penulisan objektif pengajaran yang betul bukan sahaja membantu guru mengajar secara yakin, bertujuan dan betul malah membantu murid memahami pelajaran dengan baik, bermakna dan kekal lama dalam ingatan. Daripada penulisan objektif yang betul guru dapat membangunkan nota, soalan ujian, latihan, tugas malah pentaksiran yang lebih menepati. Keselarasan antara objektif pengajaran dengan perkara-perkara yang guru mahu murid kuasai akan mudah ditaksir atau dikesan. Kerja mengajar dan belajar tentunya akan lebih seronok dan mencabar. Menurut Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali and Shamsudin Othman, (2015), subjek kesusasteraan perlu dipersembahkan dengan gaya baharu, memberi penekanan kepada kaedah pendekatan tidak membosankan pelajar. Tambahan pula dengan perancangan yang betul dan bermaklumat guru sudah tentu dapat memperkenalkan kaedah atau pendekatan baharu untuk dijadikan rujukan kepada pengkaji dalam usaha membantu pengajaran cerpen dan novel berjalan dengan lebih berkesan sesuai mengikut konteks pembelajaran dan kemahiran murid. Hal ini selari dengan dapatan kajian Abdul Rasid, Shamsudin & Humaizah (2012). Penulisan objektif juga memudahkan guru merancang aktiviti abad 21 mengikut aras dan berfokus dengan kemahiran KMK sama ada murid mempelajari elemen sastera bagi membantu penghasilan karya penulisan yang baik, atau mempelajari tema dan persoalan yang dapat dijadikan panduan dalam pembentukan sahsiah diri serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara (Mohammed Sani Ibrahim & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2012). Pada akhir pelajaran penulisan objektif yang betul sangat membantu guru membuat penilaian dan refleksi. Hal ini memudahkan guru untuk membuat penilaian berdasarkan kemahiran berpanduan penggunaan kata kerja yang boleh diukur dan penglibatan murid dalam sesi PdPc ( Zamri Mahamod et.al., 2015)

### Dapatan Objektif 3

3. Menganalisis kelemahan penulisan objektif dalam RPH mata pelajaran KMK dalam kalangan pelajar tahun akhir program BPBM.

Terdapat 12 item (11%) penulisan objektif yang berada pada skala 2 iaitu kurang tepat. Kelemahan 12 item ini agak serius kerana guru tidak menunjukkan dengan jelas apakah kemahiran yang cuba disampaikan dan bagaimanakah caranya pencapaian pelajaran diukur pada akhir pelajaran. Item ini menggunakan kata kerja abstrak yang agak sukar untuk diukur pencapaiannya. Penggunaan kata kerja itu ialah seperti menghayati, menghargai, memahami, mengenali dan menikmati. Selain itu, binaan item objektif ini tidak sesuai mengikut konteks murid dan tidak sesuai mengikut keperluan kemahiran pembelajaran. Seterusnya, terdapat 8 item yang tidak boleh dilaksanakan berdasarkan kemahiran asas murid kerana elemen sastera yang akan diajar tidak difokuskan. Semua objektif pelajaran dinyatakan secara umum sahaja sehingga sukar untuk guru memilih kaedah, bahan, aktiviti serta tumpuan elemen sastera tidak dinyatakan. Kesannya 10 objektif pelajaran yang dibina tidak boleh dibuat dalam masa yang diberi kerana elemen yang diajar terlalu luas dan terbuka.



Rajah 7 : Rumusan Penulisan Objektif yang Kurang Tepat dan Tidak Tepat

#### JADUAL 8

Contoh 10 daripada Objektif yang ditulis Secara Kurang Tepat Menggunakan Konsep SMART

<b>TEMA (Interpretasi)</b>				
<b>S (Spesifik/Khusus)</b>	<b>M (Boleh diukur)</b>	<b>A (Mampu dilaksanakan)</b>	<b>R (Sesuai mengikut konteks)</b>	<b>T (Boleh dibuat dalam masa yang diberi)</b>
1. elemen sastra	memahami (tidak boleh diukur)	Tidak	elemen sastra	Tidak
2. puisi moden (sajak)	memahami (tidak boleh diukur)	Tidak	puisi moden (sajak)	Tidak
3. nasihat sajak	menghargai (tidak boleh diukur)	Tidak	sajak	Tidak
4. maksud sajak	memahami setiap rangkap. (tidak boleh diukur)	Tidak	sajak	Tidak
5. karya yang diberikan	memahami teks. (tidak boleh diukur)	Tidak	karya yang diberikan	Tidak
6. elemen sastra yang terdapat dalam karya	menghayati. (tidak boleh diukur)	Tidak	elemen sastra yang terdapat dalam karya	Tidak
7. watak dan perwatakan	menulis ayat tentang (tidak boleh diukur)	Tidak	watak dan perwatakan	Tidak
8. peringkat binaan plot.	memahami peringkat-peringkat binaan plot. (tidak boleh diukur)	Tidak	peringkat binaan plot	Tidak

9. nilai dan pengajaran	menghayati definisi. (tidak boleh diukur)	Tidak	nilai dan pengajaran	Tidak
10. maksud sajak	menikmati dan memahami. (tidak boleh diukur)	Tidak	tidak sesuai	Tidak

### Impak Negatif Penulisan SMART kepada Pengajaran Guru

Kelemahan penulisan objektif dalam Jadual 8 amat ketara kerana guru tidak menulis dan tidak menerangkan objektif secara spesifik apakah kemahiran yang ingin dikuasai mengikut konteks dan juga panduan isi pelajaran. Selain itu, objektif yang ditulis tidak mempunyai elemen aspek kesusasteraan Melayu dan tidak lengkap. Contohnya, tidak menyatakan tajuk sajak, cerpen atau bab dalam novel yang hendak diajar kepada murid. Seterusnya, menulis objektif terlalu umum dan tidak ada cara untuk mengetahui sejauh manakah objektif telah berjaya dicapai. Jika hal ini dibiarkan, impak negatif hasil daripada penulisan objektif pengajaran yang salah akan menyukarkan guru dalam banyak hal. Antaranya ialah pengajaran tidak dirancang dengan baik, tidak berfokus kepada kemahiran malah guru akan sukar menyesuaikan isi pelajaran mengikut tahap kecerdasan murid, jenis aktiviti, teknik pengajaran, penilaian serta penyediaan latihan pengayaan atau pemulihan. Murid juga turut keliru tentang apakah sebenarnya kemahiran dan isi pelajaran yang guru cuba sampaikan pada hari tersebut. Guru berkemungkinan akan memberi penilaian yang tidak adil kepada murid kerana guru sendiri tidak berfokus kepada objektif pengajaran yang sepatutnya murid kuasai. Hal ini demikian kerana, menurut Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi (2015), pengetahuan isi kandungan subjek dilihat sebagai suatu elemen yang amat penting dalam menghasilkan keterampilan pedagogi pengajaran yang berkesan yang antaranya ialah cara menulis objektif pelajaran. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa masih terdapat banyak bakal guru yang tidak mengambil cakna terhadap ilmu penulisan objektif yang sesuai untuk pengajaran sehingga mereka tidak memberikan penekanan terhadap kemahiran tersebut. Inilah antara sebab yang mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian ini.

### RUMUSAN

Guru yang cemerlang, dinamik serta kritis perlu sentiasa mendalami pengetahuan dalam bidang pedagogi secara amnya dan berkemahiran tinggi dalam merancang pengajaran yang berkesan serta bermakna secara khususnya. Ilmu guru berkaitan perancangan pengajaran, menentukan objektif pelajaran, pengukuhan pengajaran yang disesuaikan dengan kaedah, teknik dan aktiviti, pemilihan bahan bantu mengajar serta latihan sangat membantu guru melaksanakan pengajaran dengan baik. Pengetahuan pedagogi yang mantap menjadikan pengajaran seorang guru lebih menarik. Justeru, bakal guru perlu sedar bahawa mereka perlu mempunyai kemahiran dalam menyusun atur pengajaran secara terancang dan sistematik. Melalui penulisan objektif yang sempurna dalam RPH, pengajaran dan pembelajaran lebih mudah dilaksanakan mengikut aras serta konteks pembelajaran dan kemahiran murid.

### RUJUKAN

- Abd. Aziz Abd Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah, dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian, and Shamsudin Othman, and Humaizah Hashim, (2012) Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam tranformasi pengajaran penulisan karangan bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ;Malay Language Education (MyLEJ)*, 2 (1). pp. 129-140. ISSN 2180-4842.
- Abdul Rasid Jamian, and Nurul Nadiah Razali, and Shamsudin Othman, (2015) Keupayaan guru pelatih terhadap pelaksanaan aktiviti semasa latihan mengajar dalam pembentukan guru novis. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40 (1). pp. 75-81. ISSN 0126-6020 / 2180-0782
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. (2019). *Pembelajaran berpusatkan pelajar*. Bangi: Penerbit UKM. ISBN: 978-967-412-842-5.
- Arniza Mokhtar & Zamri Mahamod. (2018). *Kemahiran bernilai tambah: Teori dan amali*. Bangi: Penerbit UKM. ISBN: 978-967-412-642-1.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing among Five Approaches* (3rd Ed.). Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Din, G., & Abdul, A. H. (2016). Kepemimpinan Kesukarelaan Dalam Organisasi Kesusasteraan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 52 - 62. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1191>

- Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan 4 dan 5 (2018). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya.
- Magdeline anak Nor & Zamri Mahamod. (2016). Pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Iban. Bangi: Penerbit UKM. ISBN: 978-967-412-350-5.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey Bass Publishers.
- Mohammed Sani Ibrahim & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2012). *Pengurusan Perubahan Makro dalam Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Naffi Mat. (2012). *Fenomena pendidikan Bahasa-Sastera Melayu: Intergriti peradaban bangsa*. Selangor: Darul Risalah.
- Nur Ain Elzira Abdullah & Zamri Mahamod. (2019). *Kajian pembelajaran: Pembangunan profesionalisme berterusan*. Bangi: Penerbit UKM. ISBN: 978-967-412-810-4.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2019). *Guru cemerlang*.
- Rozita Radhiah Said. (2012). *Penyampaian lisan dalam pengajaran karangan guru cemerlang bahasa Melayu untuk murid-murid tingkatan empat*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (2016). *Kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran*. Bangi: Penerbit UKM. ISBN: 978-967-412-391-8.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (2017). *Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran: Mengoptimumkan pembelajaran pelajar*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka. ISBN: 978-983-49-1261-1.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. ISBN: 978-983-46-1448-5.